UNIVERSITI MALAYA

KENYATAAN MEDIA

UNIVERSITI MALAYA BANGUNKAN QUEUE MANAGEMENT SYSTEM, BANTU LANCARKAN PROSES VAKSINASI DI PPV-PPV MEGA NEGARA

KUALA LUMPUR, 3 JULAI 2021: Pusat Teknologi Maklumat, Universiti Malaya (UM) telah membangunkan Queue Management System yang dikenali sebagai UMVACQ, membantu melancarkan proses vaksinasi di 15 lokasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV) dan memanfaatkan lebih 30 ribu penerima vaksin dalam sehari.

Ketua Projek UMVACQ yang juga Pegawai Sistem Maklumat UM, Dr. Kanmani Munusamy berkata UM sebagai Institusi Pengajian Tinggi tertua di negara ini bersama-sama menyokong misi negara dalam usaha memerangi wabak COVID-19 melalui sistem yang dibangunkan untuk membantu kelancaran program vaksinasi negara.

“Sistem yang dibangunkan secara *in-house* ini dapat mengawal dan memudahkan kawalan kehadiran penerima vaksin dalam satu-satu masa. Usaha sama ini dibangunkan menggunakan kepakaran sedia ada dan ia selaras dengan Visi UM menjadi Universiti bertaraf global yang memberi impak pada dunia.

“Melalui sistem UMVACQ ini, penerima vaksin yang hadir hanya akan menggunakan satu nombor panggilan sahaja dan akan dipandu untuk melalui beberapa proses dari satu stesen ke stesen yang lain dengan teratur. Dengan itu, proses penerimaan vaksin tidak akan mengambil masa yang lama dan dapat mematuhi SOP yang ditetapkan.

“Sistem ini juga dapat membekalkan data harian yang komprehensif secara masa sebenar (*real time*) untuk membolehkan kerajaan memantau status dan statistik kehadiran penerima vaksin dengan tepat dan pantas melalui *dashboard* sistem tersebut,” katanya.

.../2

UM telah menempatkan produk UMVACQ di PPV-PPV berstatus mega iaitu PPV Universiti Malaya (UM), PPV Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM), PPV Malaysian International Trade and Exhibition Center (MITEC), PPV MINES International Exhibition & Convention Center, PPV Stadium Bukit Jalil, PPV Bangi Avenue Convention Center dan PPV Putrajaya Convention Centre. Sistem ini juga diguna pakai oleh beberapa PPV berskala kecil lain dan juga di PPV yang bakal diwujudkan dalam masa terdekat ini.

Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, sila hubungi :

Puan Mastura Mohamad Yusoff
Pegawai Perhubungan Media
013-3773207
masturayusoff@um.edu.my

Dikeluarkan oleh:
Pejabat Komunikasi Korporat (CCO)
Aras L, Bangunan Canseleri
Universit I Malaya
50603 Kuala Lumpur
Tel: 03-7967 3238 Fax: 03-79560027 Emel: corporate@um.edu.my